





PENGENALAN TAKAFUL



".. 85 peratus penduduk masih lagi tidak mempunyai perlindungan takaful atau insurans yang secukupnya ketika berlaku kecemasan.."

".. Kadar penembusan produk insurans konvensional dan takaful di Malaysia masih rendah dan jauh daripada sasaran yang ditetapkan.."

Pengerusi Persatuan Takaful Malaysia (MTA), Muhammad Fikri Mohamad Rawi, 2019

Ketua Pegawai Eksekutif Prudential BSN Takaful Bhd (PruBSN), Wan Saifulrizal Wan Ismail, 2020

Takaful merupakan salah satu konsep insurans yang berasaskan Muamalat Islam yang berlandaskan hukum syariah. Konsep ini sebenarnya telah diamalkan sejak lebih 1,400 tahun. Pada asasnya, sistem takaful berteraskan konsep kerjasama, tanggungjawab, jaminan, perlindungan dan saling membantu dalam kalangan para pesertanya.

Terdapat 2 jenis perlindungan yang Rakan Usahawan PUNB wajib ketahui ketika mengambil pembiayaan di PUNB :

- **TAKAFUL AM**
- **TAKAFUL KREDIT BERKUMPULAN**

Ahli Panel PUNB – Takaful Am



Ahli Panel PUNB – Takaful Kredit Berkumpulan



HongLeong

هونغ ليونغ م. س. أ. ج. تكافل

MSIG Takaful

****Nota ini adalah eksklusif kepada Rakan Usahawan PUNB sahaja dan tidak boleh diguna pakai oleh pengguna lain. PUNB tidak pernah melantik mana-mana ejen takaful/broker selain daripada yang disenaraikan dalam brosur ini untuk tujuan perlindungan Takaful.**



TAKAFUL AM

- Perlindungan Takaful Am adalah untuk melindungi isi premis Rakan Usahawan PUNB daripada kerugian akibat kecelakaan dan kemalangan seperti kebakaran, kecurian dan lain-lain.

- Perlindungan Takaful Am bagi isi premis adalah WAJIB untuk skim Runcit. Bagi skim PKS/Pemborong, Rakan Usahawan PUNB disarankan untuk mengambil perlindungan Takaful Am.
- Rakan Usahawan PUNB diberi pilihan mengambil perlindungan bersama Panel Takaful PUNB atau penyedia takaful yang lain (Bukan Panel Takaful PUNB).

- Terdapat lebih 10 perlindungan asas dan 13 perlindungan tambahan yang disediakan untuk Rakan Usahawan PUNB oleh Panel Takaful PUNB.

- Pembayaran sumbangan adalah melalui penolakan dari "Retain Sum"/Hasam atau bayaran terus ke Panel Takaful PUNB.

- Tempoh perlindungan hanya 1 tahun sahaja dan polisi perlu diperbaharui setiap tahun.

PEMBAHARUAN POLISI

- Rakan Usahawan PUNB bertanggungjawab memastikan terdapatnya perlindungan Takaful Am bagi isi premis perniagaan sepanjang tempoh pembiayaan.

- Rakan Usahawan PUNB bertanggungjawab untuk memperbaharui polisi sebelum tamat tempoh polisi.

- Perlindungan Takaful Am bersama dengan Panel Takaful PUNB hanya sah dan aktif selama 1 tahun sahaja dan perlu diperbaharui untuk tahun seterusnya.

- Rakan Usahawan PUNB akan diberi beberapa peringatan untuk memperbaharui polisi melalui cara-cara berikut:

1. Panel Takaful PUNB akan memberikan surat notis untuk memperbaharui polisi.
2. Pihak Koordinator Takaful PUNB akan memberikan surat pemberitahuan memperbaharui perlindungan takaful 1 bulan sebelum polisi tamat kepada Rakan Usahawan PUNB.
3. Rakan Usahawan PUNB boleh melihat sendiri tarikh tamat perlindungan takaful di dalam polisi takaful.

PEMULANGAN WANG

- Rakan Usahawan PUNB boleh meminta pemulangan wang dari "Retain Sum"/Hasam Takaful sekiranya telah mempunyai perlindungan dari Bukan Panel Takaful PUNB.
- Polisi yang telah diperbaharui dan selepas mendapat pembiayaan PUNB layak untuk pemulangan wang tersebut.
- Jumlah pemulangan wang yang dibenarkan adalah berdasarkan nilai sumbangan pada tahun pertama perlindungan dan jumlah maksimum yang boleh dipulangkan adalah sebanyak RM 2,000 sahaja untuk setiap tahun polisi.
- Polisi perlu diserahkan 6 bulan sebelum tamat polisi kepada Koordinator Takaful PUNB. Jika polisi yang diterima oleh pihak Koordinator Takaful PUNB akan tamat kurang dari 6 bulan, maka pemulangan wang dari "Retain Sum"/Hasam akan dilakukan setelah pihak Rakan Usahawan PUNB memperbaharui polisi tersebut.
- Dokumen yang diperlukan untuk proses pemulangan wang adalah seperti berikut :
 1. Salinan polisi Takaful Am yang sah dan aktif
 2. Salinan pengesahan syarikat/SSM
 3. Salinan penyata akaun bank syarikat yang terkini



TAKAFUL AM

Maklumat Penting

- Sila maklumkan kepada Koordinator Takaful PUNB sekiranya terdapat pertukaran maklumat pada perkara berikut, supaya penukaran /endorsement boleh dilakukan ke Panel PUNB.

- Alamat Premis
- Operasi Perniagaan
- Pengubahsuaian pada Premis
- Penambahan/pengurangan perlindungan takaful
- Perubahan jumlah perlindungan

PERINGATAN

Tuntutan takaful akan **DITOLAK** jika maklumat di atas tidak dimaklumkan ke pihak Koordinator Takaful PUNB dan Panel Takaful PUNB.

Jumlah perlindungan mestilah sesuai dengan jumlah risiko yang berada di dalam premis perniagaan.

CONTOH SITUASI TUNTUTAN TAKAFUL YANG DITOLAK

- Bengkel En. Rahman sudah berpindah dari lokasi A ke lokasi B tanpa memaklumkan kepada pihak PUNB. Tiba-tiba, bengkel En. Rahman di lokasi B musnah dijilat api.
- Kedai runcit Puan Timah di Kelantan tiada perlindungan banjir pada polisi beliau. Tiba-tiba, kedainya dilanda banjir.
- En. Saidi menjalankan aktiviti perniagaan dobi di kawasan rumahnya. Setelah beberapa tahun, En. Saidi menjadikan premis dobinya kepada kedai gunting rambut hipster tanpa memaklumkan kepada pihak PUNB. Tiba-tiba, kedainya itu dimasuki pencuri.
- Saban tahun, perniagaan kedai runcit En. Khairul bertambah maju dan stok juga semakin bertambah. Tetapi, beliau tidak memaklumkan perubahan nilai stok kepada PUNB. Tiba-tiba, kedainya terbakar dijilat api.

TUNTUTAN AKAN DITOLAK OLEH PENYEDIA TAKAFUL

TUNTUTAN AKAN DITOLAK OLEH PENYEDIA TAKAFUL

TUNTUTAN AKAN DITOLAK OLEH PENYEDIA TAKAFUL

AVERAGE CLAUSE
(sila lihat penjelasan di bawah)

AVERAGE CLAUSE

- Jumlah perlindungan perlu mencukupi untuk setiap perlindungan Takaful.
- Average clause akan berlaku jika :**
 - 1. Jumlah perlindungan tidak mencukupi
 - 2. Jumlah perlindungan lebih rendah dari nilai aset sebenar
- Jika berlakunya tuntutan takaful, pihak panel hanya akan membayar sebahagian sahaja daripada jumlah tuntutan.

Contoh Situasi

Jumlah Perlindungan
RM 50,000
Jumlah Kerugian
RM 40,000
Nilai Sebenar Aset
RM 200,000


Jumlah yang dibayar oleh pihak Panel Takaful
Jumlah Perlindungan x Jumlah Kerugian
Nilai Sebenar Aset
= RM 50,000 x RM 40,000
RM 200,000
= RM 10,000 sahaja yang dibayar



TAKAFUL KREDIT BERKUMPULAN

- Takaful Kredit Berkumpulan adalah untuk melindungi pembiayaan PUNB sepanjang tempoh pembiayaan untuk kemudahan pembayaran berjadual sekiranya Rakan Usahawan PUNB meninggal dunia atau mengalami cacat kekal.
- Hanya melindungi pembiayaan asas sahaja. Tunggakan pembiayaan dan sebarang caj tambahan tidak dilindungi oleh Takaful.
- Pembayaran sumbangan hanya sekali sahaja sepanjang tempoh pembiayaan dan cara pembayaran melalui penolakan dari "Retain Sum" /Hasam.
- Perlindungan Takaful Kredit Berkumpulan adalah WAJIB bagi skim Runcit manakala bagi skim PKS/Pemborong, Rakan Usahawan PUNB disarankan untuk mengambil perlindungan Takaful Kredit Berkumpulan.
- Takaful ini wajib diambil bersama Panel Takaful PUNB.

CARA TUNTUTAN TAKAFUL AM & KREDIT BERKUMPULAN



Invois pembelian/pembaikan amatlah penting untuk proses tuntutan. Rakan Usahawan PUNB dinasihatkan menyediakan salinan setiap dokumen dan simpan di tempat yang selamat atau melalui kaedah cloud filing.

Dokumen yang diperlukan :

- Borang Tuntutan
- Laporan Polis
- Laporan Bomba (jika berkaitan)
- Invois pembelian dan resit perkara yang terlibat (PENTING)
- Invois pembaikan (PENTING)
- Gambar kejadian

PERINGATAN PENTING

- Elakkan dari mengemas atau membaiki kerosakan pada harta yang dilindungi sehinggalah penyelaras dari Panel Takaful PUNB membuat lawatan ke lokasi kejadian.
- Jika perlu atau dalam situasi tertentu, sediakan bahan bukti kerosakan (seperti mengambil gambar jelas pada kerosakan, salinan kamera litar tertutup dan lain-lain) sebelum lokasi kejadian dikemas semula.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau perubahan polisi, sila

HUBUNGI KAMI

Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
Tingkat 10, Blok 1B, Plaza Sentral,
Jalan Stesen Sentral 5,
50470 Kuala Lumpur
017-320 7257
admin_takaful@punb.com.my